

Pengaruh Kemiskinan dalam Ekonomi Malaysia

oleh Siti Syamila Amir Hamzah

Pegawai Penyelidik

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kemiskinan merupakan suatu isu yang penting kerana ianya melambangkan sejauh mana pertumbuhan ekonomi negara dinikmati oleh rakyat jelata. Oleh yang demikian kita mengharapkan kadar kemiskinan akan menurun sejajar dengan peningkatan ekonomi negara. Di sudut makroekonomi kemiskinan adalah hasil dari pengagihan kekayaan negara yang tidak sama rata. Dalam pada itu, diperingkat individu, kemiskinan juga dikaitkan dengan sikap individu (psikologi-sosial).

Sebuah isi rumah dianggap miskin sekiranya pendapatannya berada dibawah garis kemiskinan (PGK). Garis kemiskinan merujuk kepada pendapatan minimum yang diperlukan oleh isi rumah untuk keperluan makanan dan juga keperluan asas hidup yang lain. Jika pendapatan isi rumah berada dibawah PGK bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. Manakala, sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar jika pendapatannya kurang daripada PGK makanannya. PGK bagi setiap isi rumah adalah berbeza mengikut lokasi (negeri dan strata), saiz isi rumah dan komposisi demografi. Mengikut ukuran terkini, miskin tegar dirujuk kepada setiap isirumah yang berpendapatan bulanan di bawah RM760 bagi Semenanjung, RM910 bagi Sarawak, dan RM1,050 bagi Sabah.

Pada keseluruhannya, penemuan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) 2012 mendapati pendapatan isi rumah bulanan purata rakyat Malaysia telah meningkat daripada RM4,025 pada tahun 2009 kepada RM5,000 pada tahun 2012. Ini merupakan peningkatan sebanyak 7.2 peratus setahun. Dalam pada itu, kadar kemiskinan kebangsaan pada tahun 2012

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

adalah 1.7 peratus, berbanding dengan 3.8 peratus pada tahun 2009. Manakala peratus bagi kemiskinan tegar pula ialah 0.7 peratus pada tahun 2009 dan 0.2 peratus pada tahun 2012.

Namun demikian, insiden kemiskinan bagi setiap negeri menunjukkan pengurangan yang berbeza-beza pada tahun 2009 dan 2012. Sabah mencatatkan pengurangan yang paling ketara daripada 19.7 peratus kepada 8.1 peratus diikuti Perlis daripada 6.0 peratus kepada 1.9 peratus dan Kedah daripada 5.3 peratus kepada 1.7 peratus dalam tempoh yang sama. W.P. Putrajaya telah mencapai status kemiskinan sifar pada tahun 2012. Sabah juga menunjukkan pengurangan terhadap insiden kemiskinan tegar iaitu 4.8 peratus pada tahun 2009 kepada 1.6 peratus pada tahun 2012. Manakala kemiskinan tegar bagi negeri Johor, W.P. Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan tidak berubah iaitu 0.1 peratus pada tahun 2009 dan 2012.

Walau bagaimanapun, insiden kemiskinan bagi negeri-negeri Sabah, Kelantan, Sarawak, Perlis, Terengganu dan Kedah adalah melebihi peratus insiden kemiskinan kebangsaan pada tahun 2012. Walaupun perbezaan di antara insiden kemiskinan kebangsaan dengan negeri-negeri tersebut tidak berapa ketara, namun usaha perlu ditingkatkan untuk merapatkan lagi jurang tersebut atau menghapuskannya sama sekali. Ini adalah penting untuk mengagih kekayaan negara secara saksama supaya kesan pembangunan ekonomi dirasai oleh semua lebih-lebih lagi ke arah mencapai taraf negara maju menjelang 2020.

Sementara itu, kemiskinan bandar semakin menjadi isu penting sejak kebelakangan ini selari dengan peningkatan peratusan urbanisasi dikalangan rakyat. Walaupun insiden kemiskinan dikawasan bandar telah berkurangan dari 1.7 peratus pada tahun 2009 kepada 1.0 peratus pada tahun 2012 dan kadar kemiskinan tegar, penduduk bandar telah mencatat 0.2 peratus pada tahun 2009 berbanding 0.1 peratus pada tahun 2012, namun rata-rata penduduk bandar yang berada di atas paras kemiskinan masih merasa tekanan kos sara hidup. Peningkatan pendapatan adalah tidak selari dengan peningkatan kos sara hidup.

Antara strategi yang perlu ditekankan adalah supaya peningkatan pulangan kepada fatur pengeluaran mestilah setimpal dengan peningkatan produktiviti. Peningkatan pengeluaran perlulah berlandaskan kepada peningkatan produktiviti. Maka produktiviti buruh perlulah setimpal dengan kadar upah mereka. Kesannya, peningkatan pendapatan isi rumah tidak

memberi penekanan terhadap peningkatan harga, seterusnya memberi kelegaan kepada penekanan terhadap kos sara hidup.

Disamping itu, pelbagai bantuan dan subsidi yang diberikan bagi mengurangkan bebanan kepada penduduk termasuk pemberian BRIM. Walaupun bantuan sebegini mampu menampung kos sara hidup penduduk namun kesannya terhadap pengurangan kadar kemiskinan adalah dijangka minimal. Ianya cuma mampu memberi kesan pengganda yang kecil di dalam ekonomi dan juga tidak mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran. Perbelanjaan kerajaan kearah meningkatkan produktiviti golongan pekerja adalah dijangka memberi kesan yang lebih ketara bukan sahaja terhadap pertumbuhan ekonomi, malahan yang lebih penting adalah kesannya terhadap peningkatan pendapatan pekerja.

Satu lagi isu yang perlu diberi perhatian adalah kesan persaingan global terhadap daya saing ekonomi negara. Semakin terbuka ekonomi kita diperingkat antarabangsa, semakin mencabar untuk mengekalkan daya saing. Pengurangan kos pengeluaran adalah penting untuk produk kita bersaing diperingkat antarabangsa. Namun, pengurangan kos ini tidak boleh berasaskan pengurangan upah kerana ianya akan memberi kesan terhadap pendapatan isi rumah. Maka pendekatan jangka panjang perlu di ambil dengan penumpuan terhadap peningkatan daya saing pengeluaran melalui peningkatan produktiviti total.